

08 JUN 2001

Ling-Nanyang

DR LING BERI PENJELASAN MENGENAI ISU NANYANG KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik akan memberi penjelasan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai pengambilalihan Nanyang Press Holdings oleh MCA yang menimbulkan kontroversi.

Katanya, beliau juga akan memberi penjelasan mengenai isu itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika Perdana Menteri memanggil beliau.

"Kita akan memberi pertimbangan serius kepada kebimbangan Abdullah," kata beliau kepada pemberita selepas bangunan baru Persekutuan Xiang Qi Malaysia (catur Cina) di Sri Petaling di sini hari ini.

Beliau diminta memberi reaksi kepada kenyataan Abdullah semalam berhubung isu itu yang timbalan perdana menteri bimbang mungkin menjejaskan Barisan Nasional (BN) jika tidak diselesaikan.

Abdullah menasihatkan para pemimpin MCA supaya menyelesaikan perbalahan mereka mengenai isu itu dan menggesa kedua-dua pihak mencari penyelesaian secara aman.

Isu parti berkenaan mengambil alih Nanyang Press Holdings melalui syarikat pelaburannya Huaren Holdings Sdn Bhd telah mencetuskan bantahan dalam parti diketuai oleh beberapa anggota jawatankuasa pusat termasuk timbalan presiden Datuk Lim Ah Lek, naib presiden Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy serta Ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat.

Menurut laporan berita, kira-kira 1,500 anggota MCA Selangor meluluskan dua resolusi pada perhimpunan khas semalam, satu menggesa kepimpinan parti menimbang semula pengambilalihan itu dan satu lagi resolusi mendesak kepimpinan menghormati kehendak masyarakat Cina.

Perhimpunan yang sama dijangka diadakan di Pahang dan Perak, menurut laporan berita.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan tidak mahu mengulas lanjut mengenai komen Abdullah sambil berkata beliau akan berbincang dan memberi penjelasan kepada timbalan perdana menteri dahulu.

Mengenai bantahan anggota-anggota parti mengenai isu Nanyang, beliau percaya isu itu akan reda selepas seketika dan MCA akan menangani semua kebimbangan oleh masyarakat Cina berhubung isu berkenaan.

Dr Ling juga berkata parti bersedia membenarkan Pengurusan Huaren mengurangkan kepentingannya dalam Nanyang Press Holdings kepada saham minoriti jika ada "rakan konghsi kuat" yang bersedia menambah nilai kepada Nanyang.

Beliau berkata MCA bersedia jika Pengurusan Huaren menemui rakan konghsi seumpama itu.

Dr Ling juga berkata beliau akan "mengkaji secara serius" untuk menjual seluruh kepentingan Pengurusan Huaren dalam Nanyang "jika ada pihak yang menawarkan lima kali ganda daripada harga yang kita (Huaren) beli."

"Jika ia lima kali daripada harga yang kita beli, yang bermakna kita membayar RM230 juta dan mendapat RM1 bilion, Saya akan memcadangkannya kepada Jawatankuasa Pusat (MCA).

Pada 29 Mei, Hume Industries (Malaysia) Bhd dilaporkan telah menerima tawaran daripada Pengurusan Huaren untuk membeli 72.35 peratus kepentingan syarikat itu dalam Nanyang Press Holding Bhd bagi RM230.12 juta tunai.

Menurut Hume Industries, syarikat itu dan anak syarikatnya, Hume Plastics (Malaysia) Sdn Bhd bercadang untuk menjual 41.84 juta saham Nanyang kepada Pengurusan Huaren pada harga RM5.50 sesaham.

Penjualan itu selesai pada 31 Mei. Hume Industries dan Hume Plastics

masing-masing memiliki 56.97 peratus dan 15.38 peratus kepentingan dalam Nanyang.

Nanyang menerbitkan Nanyang Siang Pau, China Press, New Life Post, Feminine, New Tide, Long Life dan Citta Bella.

Dr Ling berkata beliau memberi tempoh 10 hari hingga 17 Jun kepada sesiapa yang berminat untuk membeli saham Nanyang.

-- BERNAMA

AFY NZ FAZ